

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOTA BHARU
DALAM NEGERI KELANTAN DARUL NAIM, MALAYSIA
GUAMAN SIVIL NO.: 2019

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

...PLAINTIF

DAN

1. KERAJAAN NEGERI KELANTAN
2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
3. PENGARAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN
4. M7 PLANTATION BERHAD
(No. Pendaftaran Syarikat: 1256935-V)
5. KPG MAJU ENTERPRISE SDN. BHD.
(No. Pendaftaran Syarikat: 800220-H)
6. KOPERASI KIJANG MAS NEGERI KELANTAN BERHAD
(No. Pendaftaran Koperasi: Koop. Negeri No. 171)
7. RINGGIT SAKSAMA (M) SDN. BHD.
(No. Pendaftaran Syarikat: 428352-K)
8. FLEET PRECISION SDN. BHD.
(No. Pendaftaran Syarikat: 548630-P)

...DEFENDAN-DEFENDAN

PERNYATAAN TUNTUTAN

A. PIHAK-PIHAK

1. Plaintif adalah Kerajaan Malaysia.
2. Defendan Pertama adalah Kerajaan Negeri Kelantan.
3. Defendan Kedua adalah Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan yang dilantik oleh Defendan Pertama dan bertanggungjawab kepada Defendan Pertama bagi hal pentadbiran dalam negeri Kelantan berhubung dengan hal tanah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara 1965.
4. Defendan Ketiga adalah Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan yang dilantik oleh Defendan Pertama dan adalah di bawah tanggungjawab Defendan Pertama menurut Perkara 80(1) Perlembagaan Persekutuan.
5. Defendan Keempat adalah M7 Plantation Berhad yang merupakan syarikat persendirian berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di No. 19-2, Jalan Metro Perdana Barat 1, Taman Usahawan, Kepong Utara, 52100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
6. Defendan Kelima adalah KPG Maju Enterprise Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat persendirian berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di 7B, 7th Floor, Pearl Court, 61, Jalan Thamby Abdullah, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan dan alamat perniagaan di PT 93553, Taman Titiwangsa, 18300 Gua Musang, Kelantan.
7. Defendan Keenam adalah Koperasi Kijang Mas Negeri Kelantan Berhad yang merupakan koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993

dan mempunyai alamat berdaftar di No. 76, Tingkat 1, Bangunan KKMNKB, Jalan Pekan Lama, 18300 Gua Musang Kelantan.

8. Defendan Ketujuh adalah Ringgit Saksama (M) Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat persendirian berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di 7B, 7th Floor, Pearl Court, 61, Jalan Thamby Abdullah, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan dan alamat perniagaan di PT 4218, Tingkat Bawah, Taman Bunga Tropika, 18300 Gua Musang, Kelantan.
9. Defendan Kelapan adalah Fleet Precision Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat persendirian berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di 7A-1, 7th Floor, Pearl Court, 61 Jalan Thamby Abdullah, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan dan alamat perniagaan di PT 4218, Tingkat Bawah, Taman Bunga Tropika, 18300 Gua Musang Kelantan.

B. TINDAKAN

10. Plaintiff membawa tindakan ini berkenaan dengan tanggungjawab perlembagaan dan fidusiari berkaitan dengan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dari kaum "Temiar" yang telah hidup sejak turun temurun, iaitu dari generasi ke generasi sebagai komuniti yang berasingan dan dikenali (*separate and identifiable*) di Pos Simpoh, yang merangkumi sepuluh (10) buah kampung, yang terletak di Mukim Ulu Nenggeri, Daerah Bertam, Gua Musang, Negeri Kelantan ["**Tanah tersebut**"].
11. Tanah Pos Simpoh tersebut adalah dianggarkan seluas 29,000 hektar dan dilampirkan Peta Tanah Pos Simpoh dalam Pernyataan Tuntutan ini sebagai "**Appendix A**". Dilampirkan juga dalam Pernyataan Tuntutan ini sebagai "**Appendix B**", senarai Orang Asli Pos Simpoh beserta dengan kad pengenalan mereka masing-masing yang telah menduduki dan masih menduduki Tanah Pos Simpoh tersebut.

12. Plaintif mempunyai tanggungjawab perlembagaan dan perundangan untuk menjamin dan melindungi kebebasan asasi semua orang di Malaysia termasuklah Orang Asli sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 8 dan Perkara (8)(5)(c) serta Item 16 Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan berhubung dengan perlindungan dan jaminan kepada kebajikan Orang Asli. Berdasarkan tanggungjawab tersebut, Plaintif membawa tindakan ini.
13. Selanjutnya atau secara alternatif, Plaintif mempunyai tanggungjawab fidusiari untuk mengiktiraf dan melindungi hak-hak Orang Asli.
14. Defendan Kedua dan Ketiga adalah agensi Negeri di bawah seliaan Defendan Pertama, yang mempunyai tanggungjawab di bawah undang-undang terhadap tindakan dan tinggalkan Defendan Kedua dan Ketiga.
15. Defendan Kedua adalah Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan dan ditubuhkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 untuk –
 - (a) menasihati Defendan Pertama dalam kesemua aspek pentadbiran tanah menurut peruntukan undang-undang;
 - (b) membantu Defendan Pertama dalam perkara berhubung tanah dan galian Negeri mengikut keperluan Dasar Tanah Negara;
 - (c) memastikan pentadbiran tanah dalam Negeri dijalankan menurut peruntukan undang-undang dan dasar-dasar yang ditetapkan; dan
 - (d) menyelaras dan memantau aktiviti pejabat tanah di seluruh Negeri Kelantan supaya dilaksanakan menurut peruntukan undang-undang.
16. Defendan Ketiga adalah Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan merupakan pihak berkuasa yang mempunyai tanggungjawab untuk mentadbir, mengurus dan memulihara hutan-hutan dan menentukan

dasar pembangunan hutan dalam Negeri Kelantan dan kesemua perkara yang diperuntukkan secara am di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

C. LATAR BELAKANG FAKTA BERHUBUNG PENDUDUKAN DAN PENGGUNAAN TANAH OLEH ORANG ASLI

17. Sejak turun temurun, Orang Asli Pos Simpor telah menduduki dan mendiami Tanah tersebut. Mereka telah secara berterusan menduduki dan menetap di atas Tanah tersebut dalam komuniti tetap yang mempunyai sistem budaya, sosial dan organisasi politik mereka tersendiri.

BUTIR-BUTIR

18. Sejak turun temurun, Orang Asli Pos Simpor secara berterusan -
- (a) menduduki, menggunakan dan memiliki Tanah tersebut secara eksklusif dari generasi ke generasi;
 - (b) mendiami dan membina struktur kediaman tetap di atas Tanah tersebut dengan menggunakan hasil yang diperoleh daripada Tanah tersebut;
 - (c) menanam dan menuai kebun dan ladang di atas Tanah tersebut;
 - (d) menggunakan Tanah tersebut untuk pertanian, memburu dan menangkap ikan;
 - (e) mengeluarkan hasil daripada Tanah tersebut termasuklah akar dan herba untuk digunakan sebagai produk perubatan tradisional;
 - (f) menggunakan air daripada Tanah tersebut untuk kehidupan seharian;

- (g) menggunakan Tanah tersebut bagi tujuan keagamaan, upacara, kerohanian dan perkuburan; dan
 - (h) mengekalkan naluri identiti yang kuat dengan Tanah tersebut.
19. Sejak turun temurun, Orang Asli Pos Simpor yang terlibat dalam prosiding ini dan nenek moyang mereka telah memegang hakmilik tanah adat dan hak penggunaan (*usufructuary rights*) terhadap Tanah tersebut menurut adat, tradisi dan amalan mereka. Hak-hak tersebut telah disahkan oleh beberapa duluan kehakiman (*judicial precedents*).
 20. Hak-hak adat terhadap Tanah tersebut telah dipelihara untuk manfaat generasi Orang Asli Pos Simpor seterusnya dan ia merupakan warisan Orang Asli Pos Simpor. Tanah tersebut dan persekitarannya telah membantu Orang Asli Pos Simpor untuk menyara hidup serta memelihara sejarah dan identiti mereka. Tradisi dan adat-adat Orang Asli Pos Simpor telah diperturunkan secara lisan sejak turun temurun dan warisan dan/atau sejarah tersebut mewakili identiti mereka.
 21. Plaintiff sentiasa mengiktiraf dan memperakui hak adat Orang Asli Pos Simpor dan senantiasa memberikan perkhidmatan dan bantuan kepada Orang Asli Pos Simpor untuk perlindungan, kesejahteraan dan kemajuan mereka.

D. TINDAKAN DEFENDAN-DEFENDAN

22. Defendan Pertama yang bertindak melalui bantuan (*instrumentality*) Defendan Kedua dan Ketiga, telah mengeluarkan lesen dan/atau kebenaran kepada Defendan Keempat, Kelima, Keenam, Ketujuh dan Kelapan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti komersial dan/atau kerja-kerja di atas Tanah tersebut bagi mendapatkan keuntungan.
23. Defendan Keempat telah diberikan lesen oleh Defendan Pertama dan/atau Defendan Kedua untuk menjalankan perladangan durian yang

melibatkan spesies “Musang King” dan spesies durian lain di atas Tanah tersebut yang merangkumi kawasan seluas 400 hektar di petak 232, 233, 234 dan 235 di Hutan Simpan Kekal Balah, Gua Musang, Kelantan.

24. Hutan Simpan Kekal Balah adalah terletak dalam Tanah tersebut yang menjadi pertikaian dan oleh itu aktiviti komersil sedang dijalankan dalam kawasan yang dipertikaikan.
25. Butiran dan skop lesen dan/atau kebenaran lain yang diberikan kepada Defendan Keempat hingga Kelapan dimana Plaintif berhasrat untuk mendapatkannya semasa Penzahiran Dokumen-Dokumen, tidak diketahui oleh Orang Asli Pos Simpor. Orang Asli Pos Simpor telah menyaksikan aktiviti-aktiviti dan/atau kerja-kerja di atas Tanah tersebut termasuklah –
 - (a) kegiatan pembalakan oleh Defendan Keempat hingga Kelapan;
 - (b) penanaman pokok-pokok durian oleh Defendan Keempat; dan
 - (c) pembersihan Tanah tersebut untuk penanaman pokok-pokok getah oleh Defendan Kelima.
26. Plaintif menyatakan bahawa Defendan Pertama dan/atau agensi-agensinya serta Defendan Kedua dan Ketiga yang bertindak atas kuasa Defendan Pertama, tanpa berbincang terlebih dahulu dengan Orang Asli Pos Simpor atau mendapatkan persetujuan Orang Asli Pos Simpor, telah mengeluarkan lesen dan/atau kebenaran serta memberi kuasa kepada Defendan Keempat hingga Kelapan untuk memasuki Tanah tersebut dan menjalankan aktiviti-aktiviti komersial, termasuklah menebang pokok-pokok yang ada di atas Tanah tersebut.
27. Defendan Pertama hingga Ketiga tidak memberikan apa-apa pertimbangan kepada Orang Asli Pos Simpor semasa mengeluarkan lesen dan/atau kebenaran tersebut kepada Defendan Keempat hingga

Kelapan. Orang Asli Pos Simpor juga tidak diberikan sebarang manfaat yang diperoleh daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan tersebut.

28. Plaintif selanjutnya menegaskan bahawa pengeluaran lesen dan/atau kebenaran kepada Defendan Keempat hingga Kelapan oleh Defendan Pertama hingga Ketiga telah tidak mempertimbangkan hak adat dan pemilikan Orang Asli Pos Simpor terhadap Tanah tersebut. Pengeluaran lesen dan/atau kebenaran kepada Defendan Keempat hingga Kelapan untuk menjalankan aktiviti komersil di atas Tanah tersebut adalah suatu yang tidak sah dan terbatal serta merupakan suatu tindakan pencerobohan.
29. Pengeluaran lesen dan/atau kebenaran kepada Defendan Keempat hingga Kelapan untuk memasuki Tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja tersebut telah menyebabkan kesusahan dan kesulitan yang serius kepada Orang Asli Pos Simpor serta telah merosakkan Tanah tersebut .

BUTIR-BUTIR KESULITAN DAN KEROSAKAN TERHADAP TANAH TERSEBUT

- (a) Pendudukan dan pemilikan Orang Asli Pos Simpor terhadap Tanah tersebut telah terganggu dan dimusnahkan, serta menyebabkan kerosakan yang teruk terhadap hak mereka untuk menyara kehidupan di atas Tanah tersebut;
- (b) kekangan ekonomi;
- (c) kerosakan terhadap sistem budaya dan sosial serta cara hidup Orang Asli Pos Simpor yang bergantung kepada Tanah tersebut;
- (d) kemusnahan terhadap sumber penting yang boleh diakses dan diperlukan oleh Orang Asli Pos Simpor;

- (e) Kerosakan teruk terhadap jalan dan tanaman Orang Asli Pos Simpor oleh trak dan kenderaan besar yang dimiliki oleh atau diuruskan oleh Defendan Keempat hingga Kelapan yang telah memasuki dan melalui Tanah tersebut dan telah menyebabkan jalan menjadi rosak dan tanaman Orang Asli Pos Simpor musnah;
 - (f) Pencemaran sungai-sungai dan mengakibatkan kehilangan sumber air utama kepada Orang Asli Pos Simpor;
 - (g) Hakisan tanah yang disebabkan oleh kenderaan berat yang memasuki Tanah tersebut;
 - (h) Kerja-kerja yang dijalankan oleh Defendan Keempat hingga Kelapan telah menyebabkan pencemaran kepada Tanah tersebut, termasuklah –
 - i. pencemaran bunyi – disebabkan oleh aktiviti pembalakan;
 - ii. pencemaran udara – disebabkan oleh mesin-mesin yang digunakan untuk menebang pokok-pokok dan kenderaan besar yang melalui Tanah tersebut; dan
 - iii. pencemaran air – disebabkan sisa dan serpihan daripada pembalakan dan bahan kimia yang digunakan untuk penanaman durian dan getah yang telah meresap ke dalam sungai.
30. Berikutan itu, kerja-kerja dan/atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Defendan Keempat hingga Kelapan di atas Tanah tersebut telah menyebabkan kerosakan lanjut kepada Tanah tersebut.

BUTIR-BUTIR

- (a) Kehilangan hasil hutan dan kehidupan liar yang telah dan akan menjejaskan sumber makanan Orang Asli Pos Simpor kerana Orang Asli Pos Simpor tidak dapat berkumpul, memburu dan menangkap ikan untuk makanan dan bercucuk tanam;
 - (b) Penebangan hutan yang telah dan akan memberi kesan kepada rumah-rumah dan tempat perlindungan Orang Asli Pos Simpor kerana rumah-rumah tersebut dibina di antara pokok-pokok besar dan di antara batu-batu, menggunakan sumber-sumber dari Tanah tersebut sebagai bahan binaan; dan
 - (c) Hakisan terhadap Tanah tersebut yang seterusnya menyebabkan jalan-jalan teralih dan memusnahkan laluan ke rumah Orang Asli Pos Simpor.
31. Dalam tahun 2010, seorang individu bernama Awin B. Pedik (No. K/P: 540709-03-5209) iaitu pengkhidmat atau ejen kepada Defendan Ketujuh yang merupakan bekas Pengarah, telah secara salah nyata dan/atau memanipulasi secara frod Penghulu-Penghulu, iaitu Penghulu Seman Senaweng, Penghulu Gorban Garyon, Penghulu Abong Lehya, Penghulu Rahmat Abdullah dan Penghulu Anjang B Akad untuk menandatangani satu Perjanjian yang membenarkan sembilan (9) syarikat termasuklah Defendan Kelima dan Kelapan untuk memasuki Tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja pembalakan dan aktiviti-aktiviti lain di atas Tanah tersebut.

BUTIR-BUTIR

- (a) Pada atau sekitar 9.3.3010, Awin telah mengadakan mesyuarat dengan Penghulu-Penghulu di Tanah tersebut;
- (b) Awin telah membuat beberapa representasi kepada Penghulu-Penghulu yang menyatakan bahawa sekiranya Penghulu-Penghulu

menandatangani Perjanjian tersebut, hak-hak tanah mereka akan dilindungi daripada orang luar dan syarikat-syarikat persendirian tidak lagi memasuki Tanah tersebut;

- (c) Penghulu-Penghulu tersebut yang tidak boleh membaca telah menandatangani Perjanjian tersebut kerana tujuan utama mereka adalah untuk melindungi hak tanah adat terhadap Tanah tersebut;
- (d) Walau bagaimanapun, Perjanjian tersebut bukan sahaja tidak melindungi hak tanah adat ataupun menghentikan mana-mana syarikat persendirian daripada memasuki Tanah tersebut, malahan ia telah membenarkan sembilan (9) syarikat tersebut, termasuklah Defendan Kelima dan Kelapan untuk memasuki Tanah tersebut dan menjalankan kerja pembalakan dan aktiviti komersial;
- (e) Setelah Orang Asli Pos Simpor mendapat tahu tujuan Perjanjian tersebut, mereka segera mencari Awin, namun Awin telah tidak dapat dijumpai; dan
- (f) Orang Asli Pos Simpor membantah terhadap Perjanjian tersebut kerana mereka telah ditipu untuk menandatangani. Oleh itu, Perjanjian tersebut dari segi perundangan tidak mengikat Orang Asli Pos Simpor.

E. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DEFENDAN PERTAMA

32. Defendan Pertama sebagai Kerajaan Negeri Kelantan telah diamanahkan dengan tanggungjawab khusus untuk melindungi hak dan kebajikan Orang Asli. Tanggungjawab tersebut telah diperuntukkan sepertimana berikut:

- (a) Tanggungjawab perlembagaan dan perundangan untuk melindungi kebebasan asasi rakyat di Negeri Kelantan, termasuklah Orang Asli. Defendan Pertama tidak boleh melanggar kebebasan asasi Orang

Asli termasuklah yang diperuntukkan di bawah Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan;

- (b) Untuk memberi milik tanah Negeri sebagaimana seksyen 42 Kanun Tanah Negara 1965. Sebagai tambahan, seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 memberikan kuasa kepada Defendan Pertama untuk merizabkan tanah Negeri bagi tujuan kegunaan awam termasuklah untuk manfaat Orang Asli;
 - (c) Untuk mengisytiharkan melalui pemberitahuan dalam Warta, mana-mana kawasan yang didiami oleh Orang Asli secara eksklusif sebagai kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954;
 - (d) Untuk memastikan Orang Asli diberikan hak asasi kesamarataan di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan; dan
 - (e) Untuk menggunakan dasar dan prinsip bagi memastikan perlindungan, pembangunan dan kemajuan Orang Asli sebagaimana yang dinyatakan dalam "*Policy Statement in respect of the Long-Term Administration of the Indigenous People in the Federation of Malaysia*" bertarikh 20.11.1961.
33. Selanjutnya, Defendan Pertama, sepertimana Plaintif, mempunyai tugas dan tanggungjawab fidusiari kepada Orang Asli Pos Simpor yang timbul daripada –
- (a) kedudukan relatif Orang Asli Pos Simpor dan Defendan Pertama berkaitan dengan hakmilik dan kepentingan Orang Asli Pos Simpor terhadap Tanah tersebut;
 - (b) tanggungjawab politik berhubung dengan kebajikan Orang Asli Pos Simpor dan pemberian Tanah tersebut untuk manfaat mereka; dan

- (c) hubungan sejarah antara Defendan Pertama dengan Orang Asli Pos Simpor berhubung dengan pelaksanaan kepentingan dan hak-hak adat dan tradisional mereka di atas Tanah tersebut.
34. Secara alternatif, Defendan Pertama, sepertimana Plaintiff, mempunyai tugas dan tanggungjawab sebagai pemegang amanah untuk melindungi kebajikan, kesejahteraan dan kemajuan kepentingan Orang Asli Pos Simpor.
35. Sebagai tambahan, Defendan Pertama bertanggungjawab untuk bertindak dengan adil terhadap Orang Asli Pos Simpor dan memberikan mereka hak untuk didengar dan hak-hak lain menurut prinsip keadilan asasi sebelum mengambil langkah-langkah yang dirujuk di perenggan 22 hingga 28 di atas.
36. Di samping itu, Orang Asli Pos Simpor mempunyai jangkaan yang sah dan munasabah bahawa Defendan Pertama memberikan pengiktirafan hak-hak mereka berhubung Tanah tersebut, seperti berikut:
- (a) hak kepunyaan adat;
 - (b) hakmilik *native* tradisional;
 - (c) hak penggunaan; dan
 - (d) hak-hak di bawah Perlembagaan Persekutuan.
37. Berdasarkan alasan-alasan kepada perkara yang dirujuk dalam perenggan-perenggan 32 hingga 36 di atas, Defendan Pertama dikehendaki untuk melindungi atau mengiktiraf hak tanah tradisional Orang Asli Pos Simpor.
38. Memandangkan Defendan Pertama telah melanggar perkara-perkara yang dirujuk dalam perenggan-perenggan 32 hingga 35 di atas, Defendan

Pertama telah gagal untuk melindungi atau mengiktiraf hak tanah tradisional Orang Asli Pos Simpor dengan –

- (a) gagal untuk mengiktiraf hak tanah adat Orang Asli Pos Simpor di bawah undang-undang lazim (*common law*);
 - (b) gagal untuk mewartakan secara pentadbiran Tanah tersebut sebagai tanah rizab untuk Orang Asli Pos Simpor di bawah Kanun Tanah Negara 1965 atau Akta Orang Asli 1954; dan
 - (c) gagal untuk bertindak secara adil terhadap Orang Asli Pos Simpor dengan tidak memberikan mereka hak untuk didengar dan hak-hak lain menurut prinsip keadilan asasi sebelum mengambil langkah yang dirujuk di perenggan-perenggan 22 hingga 28 di atas.
39. Dengan mengambil langkah-langkah yang dirujuk di perenggan-perenggan 22 hingga 28 di atas, Defendan Pertama hingga Defendan Ketiga telah menguruskan Tanah tersebut dengan menyalahi undang-undang tanpa mengambil kira manfaat dan hak-hak Orang Asli Pos Simpor yang bersampingan dengan mereka iaitu:
- (a) hak kepunyaan adat;
 - (b) hakmilik *native* tradisional;
 - (c) hak penggunaan; dan
 - (d) kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan.
40. Disebabkan tindakan Defendan Pertama hingga Ketiga, Orang Asli Pos Simpor telah menanggung dan akan berterusan menanggung kehilangan dan kerosakan.

BUTIR-BUTIR

- (a) Plaintif merujuk dan mengulangi butir-butir yang dinyatakan di perenggan-perenggan 29 hingga 30 di atas.
41. Defendan-Defendan bertanggung untuk membayar ganti rugi termasuklah ganti rugi teladan terhadap Orang Asli Pos Simpor disebabkan tingkah laku yang menindas, sewenang-wenangnya dan tindakan yang tidak selaras dengan Perlembagaan (*oppressive, arbitrary conduct and unconstitutional actions*) oleh pengkhidmat dan/atau ejen Defendan-Defendan.

BUTIR-BUTIR

- (a) Defendan Pertama telah gagal untuk mengiktiraf hak-hak tanah adat Orang Asli Pos Simpor terhadap Tanah tersebut;
- (b) Defendan Pertama hingga Ketiga telah memberikan lesen dan/atau kebenaran kepada Defendan Keempat hingga Kelapan untuk menjalankan aktiviti komersil dan kerja-kerja di atas Tanah tersebut tanpa mendapatkan persetujuan daripada Orang Asli Pos Simpor terlebih dahulu (*prior informed consent*);
- (c) Defendan Pertama telah membenarkan Defendan Keempat hingga Defendan Kelapan memasuki Tanah tersebut untuk menjalankan aktiviti komersil dan kerja-kerja di atas Tanah tersebut serta menyebabkan kerosakan terhadap Tanah tersebut;
- (d) Defendan Keempat hingga Kelapan bukan sahaja memperoleh manfaat hasil daripada aktiviti komersil yang dijalankan di atas Tanah tersebut, malahan telah menyebabkan kerosakan terhadap Tanah tersebut dan seterusnya menjadikan Orang Asli Pos Simpor mengalami kerosakan dan/atau bahaya yang tidak dapat dipulihkan.

42. Selanjutnya, Defendan-Defendan adalah bertanggung untuk membayar ganti rugi teruk terhadap Orang Asli Pos Simpor berdasarkan alasan kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan 22 hingga 30 di atas.

43. **DAN** Plaintiff menuntut –

- (a) Deklarasi bahawa Orang Asli Pos Simpor adalah pemegang-pemegang hakmilik adat dan/atau kelompok/komuniti dan/atau pemegang-pemegang hak penggunaan Tanah tersebut;
- (b) Deklarasi bahawa pengeluaran lesen dan/atau kebenaran kepada Defendan Keempat hingga Kelapan adalah bertentangan dengan undang-undang dan ianya tidak sah serta terbatal;
- (c) Deklarasi bahawa Defendan Pertama hingga Ketiga dan ejen-ejenya tidak mempunyai hak di sisi undang-undang untuk mengurangkan dan/atau memusnahkan hak-hak Orang Asli Pos Simpor terhadap Tanah tersebut dengan menjalankan atau membenarkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang telah dikenalpasti dan diperincikan dalam Pernyataan Tuntutan ini;
- (d) Deklarasi bahawa berdasarkan alasan kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam Pernyataan Tuntutan ini, Defendan Pertama telah gagal untuk memenuhi dan/atau melanggar tugas dan tanggungjawab di bawah Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan/atau tugas fidusiari;
- (e) Deklarasi bahawa Defendan Pertama telah bertindak bertentangan dengan jangkaan sah yang munasabah oleh Orang Asli Pos Simpor;
- (f) Deklarasi bahawa Defendan Pertama untuk mengambil tindakan yang diperlukan untuk menjalankan pengukuran bagi memastikan

sempadan yang tepat bagi tanah adat Orang Asli Pos Simpor. Kos untuk pengukuran tersebut hendaklah ditanggung oleh Defendan Pertama;

- (g) Deklarasi bahawa Defendan Pertama adalah bertanggungjawab, dan diarahkan untuk mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mewartakan Tanah tersebut sebagai kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954;
- (h) Deklarasi bahawa Defendan Pertama adalah bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melindungi Tanah Adat di Pos Simpor dan menghalang ia daripada diganggu, diceroboh dan/atau dimusnahkan oleh mana-mana orang, termasuklah Defendan Keempat hingga Defendan Kelapan;
- (i) Perintah bahawa tindakan Defendan Keempat hingga Kelapan dan/atau mana-mana daripada mereka yang memasuki Tanah tersebut adalah suatu tindakan pencerobohan;
- (j) Perintah bahawa Defendan Keempat hingga Kelapan untuk membayar ganti rugi kepada Orang Asli Pos Simpor terhadap pencerobohan dan kerosakan yang dilakukan ke atas Tanah tersebut;
- (k) Injunksi Interlokutori dan Muktamad untuk menghalang Defendan Keempat hingga Defendan Kelapan atau mana-mana pihak dan/atau individu dan/atau syarikat-syarikat daripada menjalankan pembalakan atau apa-apa aktiviti komersial untuk keuntungan dan apa-apa perniagaan di atas Tanah tersebut;
- (l) Dalam keadaan di mana Mahkamah Yang Mulia ini mendapati hak-hak Orang Asli Pos Simpor telah dihapuskan, satu Deklarasi bahawa Defendan Pertama hendaklah memberikan pampasan yang mencukupi (*adequate compensation*) kepada Orang Asli Pos

Simpur menurut Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan dan/atau Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk ditaksirkan;

- (m) Ganti rugi am, ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan bagi pelanggaran hak-hak Orang Asli Pos Simpor termasuklah hak-hak adat berhubung dengan Tanah tersebut;
- (n) Kos prosiding ini; dan
- (o) Lain-lain relif yang dianggap adil, sesuai dan munasabah oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Bertarikh 14 Januari 2019.


Peguam Kanan Persekutuan
Jabatan Peguam Negara
Malaysia

PERNYATAAN TUNTUTAN ini difailkan oleh Peguam Kanan Persekutuan untuk dan bagi pihak Plaintiff yang mempunyai alamat penyampaiannya di Jabatan Peguam Negara, Aras 16, Blok 4G7, No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-88722011; Faks: 03-8890 5609

Ruj. No: PN/KN/HQ/15/01/2019

IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KOTA BHARU
IN THE STATE OF KELANTAN DARUL NAIM, MALAYSIA
CIVIL SUIT NO.: 2019

BETWEEN

GOVERNMENT OF MALAYSIA

...PLAINTIFF

AND

1. THE STATE GOVERNMENT OF KELANTAN
2. THE STATE DIRECTOR OF LANDS AND MINES, KELANTAN
3. THE STATE DIRECTOR OF THE FORESTRY DEPARTMENT,
KELANTAN
4. M7 PLANTATION BERHAD
(Company Registration No.: 1256935-V)
5. KPG MAJU ENTERPRISE
(Company Registration No.: 800220-H)
6. KOPERASI KIJANG MAS NEGERI KELANTAN BERHAD
(Co-operative Registration No.: Koop. Negeri No. 171)
7. RINGGIT SAKSAMA (M) SDN. BHD.
(Company Registration No.: 428352-K)
8. FLEET PRECISION SDN. BHD.
(Company Registration No.: 548630-P) ...DEFENDANTS

STATEMENT OF CLAIM

A. THE PARTIES

1. The Plaintiff is the Government of Malaysia.
2. The First Defendant is the State Government of Kelantan.
3. The Second Defendant is the State Director appointed by the First Defendant and is responsible to the First Defendant for the due administration within the State of Kelantan of matters relating to land as provided in section 12 of the National Land Code, 1965.
4. The Third Defendant is the State Director of the Forestry Department, Kelantan and appointed by the First Defendant and is under the duty of the First Defendant by virtue of Article 80(1) of the Federal Constitution.
5. The Fourth Defendant, M7 Plantation Berhad is a private limited company incorporated under the Companies Act 2016 with its registered address at No. 19-2, Jalan Metro Perdana Barat 1, Taman Usahawan, Kepong Utara 52100, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
6. The Fifth Defendant, KPG Maju Enterprise Sdn. Bhd. a private limited company incorporated under the Companies Act 2016 with the registered address at 7B, 7th Floor Pearl Court 61, Jalan Thamby Abdullah, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan and a business address at PT 93553, Taman Titiwangsa Gua Musang 18300, Kelantan.
7. The Sixth Defendant, Koperasi Kijang Mas Negeri Kelantan Berhad is a society established under the Co-operative Societies Act 1993 with the registered address at No. 76, Tingkat 1, Bangunan KKMNKB, Jalan Pekan Lama, 18300 Gua Musang, Kelantan.
8. The Seventh Defendant, Ringgit Saksana (M) Sdn. Bhd. is a private limited company incorporated under the Companies Act 2016 with the

registered address at 7B, 7th Floor Pearl Court 61, Jalan Thamby Abdullah, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan and business address at PT 4218, Tingkat Bawah, Taman Bunga Tropika, 18300 Gua Musang, Kelantan.

9. The Eighth Defendant, Fleet Precision Sdn. Bhd. is a private limited company incorporated under the Companies Act 2016 with the registered address at 7A-1, 7th Floor Pearl Court 61, Jalan Thamby Abdullah, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan and business address at PT 4218 Tingkat Bawah Taman Bunga Tropika, 18300 Gua Musang Kelantan.

B. THE ACTION

10. The Plaintiff brings this action in respect of its constitutional and/or fiduciary duty in respect of the Orang Asli in Peninsular Malaysia from the tribe of "*Temiar*" who have lived from time immemorial, that is, for generations after generations as a separate and identifiable community in Pos Simpoh comprising of ten (10) villages which is located in "*Mukim Ulu Nengger*", District of Bertam, the Colony of Gua Musang, State of Kelantan [**"the Land"**].
11. The Pos Simpoh Land is approximately 29,000 hectares in area and a map is annexed to this Statement of Claim as **Appendix A**. Further annexed to this Statement of Claim as **Appendix B** is a list of the Orang Asli of Pos Simpoh with their respective identity cards who have inhabited, and continue to inhabit, the Land of Pos Simpoh.
12. The Plaintiff has a constitutional and legal duty to guarantee and preserve the fundamental liberties of the people of Malaysia, including the Orang Asli, as enshrined in the Federal Constitution and in particular, Article 8 and Article (8)(5)(c) of the Federal Constitution, the 9th Schedule and the Federal List, Item 16 which provide for the protection and preservation of the welfare of the Orang Asli. Arising from such duty, the Plaintiff brings this action.

13. Further or alternatively, the Plaintiff has a fiduciary duty to recognize and protect the rights of the Orang Asli.
14. The Second and the Third Defendants are State agencies under the purview of the First Defendant which is responsible in law for their actions or omissions.
15. The Second Defendant is the Director of Lands and Mines of the State of Kelantan and is established under the National Land Code 1965 to –
 - (a) advise the First Defendant in all aspects of land administration in accordance with the provisions of the law;
 - (b) assist the First Defendant in terms of the basic State land and mines matters in accordance with the requirements of the National Land Policy;
 - (c) determine that land administration in the State is conducted in accordance with the provisions of the laws and polices that have been set; and
 - (d) coordinate and oversee the activities of the land offices across the State of Kelantan to be executed in accordance with the laws.
16. The Third Defendant is the Director of the Kelantan State Forestry Department and is a state authority with the duty to administer, manage and conserve forests and determine forestry development policy within the State of Kelantan and all matters as generally provided under the National Forestry Act 1984.

C. BACKGROUND FACTS RELATING TO THE OCCUPATION AND USE OF THE LAND BY THE ORANG ASLI.

17. Since time immemorial, the Orang Asli of Pos Simpor have occupied and lived on the Land. The Orang Asli of Pos Simpor have continuously occupied and resided on the Land in permanent settled communities with a social, cultural and political organization of their own.

PARTICULARS OF OCCUPATION ON THE LAND

18. Since time immemorial, the Orang Asli of Pos Simpor have continuously-
- (a) occupied, used and exclusively possessed the Land for generations;
 - (b) built and lived on the Land within structures made with products obtained from the Land;
 - (c) planted and harvested gardens on the Land;
 - (d) used the Land for agriculture, hunting and fishing;
 - (e) extracted products from the Land, including roots and herbs for medicinal products;
 - (f) used water from the Land for sustenance purposes;
 - (g) used the Land for religious, ceremonial, spiritual and burial purposes; and
 - (h) maintained a strong sense of identity with the Land.
19. Since time immemorial, the Orang Asli of Pos Simpor who are interested in these proceedings and their predecessors in title have established customary rights in and usufructuary rights to the Land in accordance with

their customs, traditions and practices. These rights have also been reaffirmed by several landmark judicial precedents.

20. These customary rights to the land have enured for the benefit of succeeding generations of the Orang Asli of Pos Simpoh and comprise their heritage. The Land and its surrounds represents their life support system, their history and their identity. The traditions and the customs of the Orang Asli of Pos Simpoh have passed down by oral tradition since time immemorial and this heritage and/or history represents their identity.
21. The Plaintiff has always recognized and acknowledged the customary rights of Orang Asli of Pos Simpoh and has been providing services and assistance towards the Orang Asli for their protection, wellbeing and advancement since then.

D. ACTIONS OF THE DEFENDANTS

22. The First Defendant acting through the instrumentality of the Second and Third Defendants, issued licenses and/or permission to the Fourth, Fifth, Sixth, Seventh and Eighth Defendants to carry out commercial activities and/or works on the Land for gain.
23. The Fourth Defendant was given the license by the First and/or Second Defendant to establish a durian plantation comprising the "Musang King" species as well as various other species on the Land covering an area of 400 hectares at compartment 232, 233, 234 and 235 at Hutan Simpan Kekal Balah, Gua Musang, Kelantan.
24. Hutan Simpan Kekal Balah is within the Land in dispute and therefore commercial activities are being carried out within the disputed area.
25. The particulars and the scope of other licenses and/or permission given to Fourth to Eighth Defendants which the Plaintiff intends to secure during Discovery of Documents, are not known to the Orang Asli of Pos Simpoh.

The Orang Asli of Pos Simpor have witnessed activities and/or works on the Land, including –

- (a) logging works by the Fourth, Fifth, Sixth, Seventh and Eighth Defendants;
 - (b) planting of durian trees by the Fourth Defendant; and
 - (c) clearing of the Land for the planting of rubber trees by the Fifth Defendant;
26. The Plaintiff states that the First Defendant and/or its agencies as well as the Second and Third Defendants acting on the authority of the First Defendant, had issued licenses and/or permission without prior discussion or any consent of the Orang Asli of Pos Simpor, to the Fourth to Eighth Defendants to enter the Land and to carry out commercial activities including cutting trees.
27. The First to Third Defendants did not provide any consideration to the Orang Asli of Pos Simpor when issuing the licenses and/or permission to the other Defendants. Nor were the Orang Asli of Pos Simpor given any benefits arising from the said activities.
28. The Plaintiff further avers that the issuance of the licenses and/or permission to the Fourth to Eighth Defendants by the First to Third Defendants did not consider the customary and proprietary rights of the Orang Asli of Pos Simpor over the Land. The issuance of the licenses and/or permission to the Fourth to Eighth Defendants to carry out commercial activities on the Land is null and void which tantamount to an act of trespass.
29. The issue of licenses and/or permission to the Fourth to Eighth Defendants to enter the Land and carry out works have caused the Orang Asli serious hardship and has damaged the Land.

PARTICULARS OF HARDSHIP AND DAMAGE ON THE LAND

- (a) Disruption and destruction of the Orang Asli of Pos Simpor's occupation and possession of the Land leading to a severe impairment of their right to livelihood on the Land;
- (b) Economic deprivation;
- (c) Damage to the Orang Asli of Pos Simpor's social and cultural system and way of life which the Land provides;
- (d) Destruction of the essential resources to which the Orang Asli of Pos Simpor had access to;
- (e) Severe damage to the roads and crops by huge trucks/vehicles belonging to or organized by the Fourth to Eighth Defendants that have entered into, and traversed, the Land and caused the roads to be damaged and crops to be destroyed;
- (f) Pollution of the rivers and consequent deprivation of the main source of water for the Orang Asli of Pos Simpor;
- (g) Land erosion caused by the heavy vehicles that have entered the Land;
- (h) The works carried out by the Fourth to Eighth Defendants have caused pollutions on the Land including -
 - (i) noise pollution - caused by the logging activities;
 - (ii) air pollution - caused by the machines used to fell the trees and by huge vehicles traversing the Land; and

- (iii) water pollution – caused by the remains and debris from the logging and the chemicals used for durian and rubber plantations in the rivers.
30. In consequence, the works and/or activities carried out by the Fourth to Eighth Defendants on the Land have further damaged the Land.

PARTICULARS

- (a) Loss of wildlife which has and will affect the food source of the Orang Asli of Pos Simpor as the Orang Asli of Pos Simpor are unable to gather, hunt and fish for food and to grow crops;
 - (b) Deforestation which has and will affect the homes and shelter of the Orang Asli of Pos Simpor as their homes are built in between huge trees and in between rocks, using resources from the Land as building material; and
 - (c) Erosion of the Land which has caused roads to be displaced and the destruction of the pathway to the homes of the Orang Asli of Pos Simpor.
31. In 2010, one Awin B. Pedik (NRIC No.: 540709-03-5209) a servant or agent of the Seventh Defendant being a former Director, through misrepresentation and/or fraudulently manipulated the “*Penghulus*” namely Penghulu Seman Senaweng, Penghulu Gorban Garyon, Penghulu Abong Lehya, Penghulu Rahmat Abdullah and Penghulu Anjang B Akad to sign an Agreement to allow nine (9) companies which included the Fifth and the Eighth Defendants to enter the Land to carry out logging works and other activities on the Land.

PARTICULARS

- (a) On or about 9.3.2010, Awin had a meeting with the Penghulus at the Land;

- (b) Awin made various representations to them stating that if they sign the Agreement, their land rights will be protected from outsiders and private companies will no longer enter the Land;
- (c) The Penghulus being illiterate, signed the Agreement, as their main concern was to protect their customary land rights to the Land;
- (d) However, the Agreement did not protect their customary land rights nor stop any private companies from entering the Land but instead allowed nine (9) companies, including the Fifth and the Eighth Defendants to enter the Land to carry out logging and other commercial activities;
- (e) The Orang Asli of Pos Simpor upon discovering the truth of the Agreement immediately set out to look for Awin but Awin was nowhere to be found; and
- (f) The Orang Asli of Pos Simpor are against the Agreement as they were deceived into signing it. It is accordingly not binding in law on them.

E. DUTY AND OBLIGATIONS OF THE FIRST DEFENDANT

32. The First Defendant as the State Government of Kelantan, has been entrusted with specific responsibilities to safeguard the rights and welfare of the Orang Asli. These responsibilities are as follows:

- (a) A constitutional and legal duty to protect the Fundamental Liberties of the People of Kelantan, including the Orang Asli. The First Defendant cannot breach the Fundamental Liberties of the Orang Asli. These Fundamental Liberties include Article 13 of the Federal Constitution;

- (b) To alienate State land vide section 42 of the National Land Code 1965. In addition, section 62 of the National Land Code 1965 confers on the First Defendant the power to reserve State land for any public purpose including for the benefit of Orang Asli;
 - (c) To declare, by notification in the Gazette, any area exclusively inhabited by the Orang Asli to be an aboriginal area or aboriginal reserve vide sections 6 and 7 of the Aboriginal Peoples Act 1954;
 - (d) To ensure that the Orang Asli are accorded the fundamental right of equality under Article 8 of the Federal Constitution; and
 - (e) To adopt policies and principles ensuring the protection, development and progress of the Orang Asli as set out in the "Policy Statement in respect of the Long-Term Administration of the Indigenous People in the Federation of Malaysia" dated 20.11.1961.
33. Further, the First Defendant like the Plaintiff, owes a fiduciary duty to the Orang Asli of Pos Simpor which arises out of –
- (a) the relative positions of power of the Orang Asli of Pos Simpor and the First Defendant with respect to their title and interests over the Land;
 - (b) the political assumption of responsibility for the welfare of the Orang Asli and the provision of Land for their benefit; and
 - (c) the historical relationship between the First Defendant and the Orang Asli of Pos Simpor with respect to the exercise of their traditional and customary interests and rights in the Land.
34. Alternatively, the First Defendant, like the Plaintiff, has duties as trustees to protect the welfare, wellbeing and advancement of the interests of the Orang Asli of Pos Simpor.

35. In addition, the First Defendant is obliged to act fairly towards the Orang Asli of Pos Simpor and to accord the Orang Asli of Pos Simpor the right to be heard and other rights in accordance with the principles of natural justice prior to taking the steps referred to in paragraphs 22 - 28 hereof.
36. In addition, the Orang Asli of Pos Simpor have a reasonable and legitimate expectation that the First Defendant recognise their rights in respect of the Land, namely:
- (a) ownership by custom;
 - (b) traditional native title;
 - (c) usufructory rights; and
 - (d) rights under the Federal Constitution.
37. By reason of the matters referred to in paragraphs 32 - 36, the First Defendant is required to preserve or have regard to the traditional land rights of the Orang Asli of Pos Simpor.
38. In breach of the matters referred to in paragraphs 32 - 36, the First Defendant has failed to preserve or have regard to the traditional land rights of the Orang Asli of Pos Simpor by-
- (a) failing to recognise the customary land rights of the Orang Asli under common law;
 - (b) failing to administratively gazette the Land as reserved land for the Orang Asli under the National Land Code 1965 or the Aboriginal People Act 1954; and

- (c) failing to act fairly towards the Orang Asli and to accord the Orang Asli the right to be heard and other rights in accordance with the principles of natural justice prior to taking the steps referred to in paragraphs 22 - 28.
39. In taking the steps in paragraphs 22 - 28, the First, Second and Third Defendants have unlawfully dealt with the land free of any reservation for the benefit of and without regard to the rights of the Orang Asli of Pos Simpor incidental to their -
- (a) ownership by custom;
 - (b) traditional native title;
 - (c) usufructory rights; and
 - (d) fundamental liberties under the Federal Constitution.
40. By reason of the First to Third Defendants' actions, the Orang Asli of Pos Simpor have suffered and will continue to suffer loss and damage.

PARTICULARS

- (a) The Plaintiff refers to and repeats the particulars set out in paragraphs 29-30.
41. The Defendants are liable for damages including exemplary damages towards the Orang Asli of Pos Simpor by virtue of the oppressive, and arbitrary conduct and unconstitutional actions by their servants and/or agents.

PARTICULARS


- (a) The First Defendant had failed to recognize the customary land rights of the Orang Asli of Pos Simpor over the Land;

- (b) The First to Third Defendants had granted licenses and/or permissions to the Fourth to the Eighth Defendants to carry out commercial activities and/or works on the Land without the prior informed consent of the Orang Asli of Pos Simpor;
 - (c) The First Defendant had allowed the Fourth to the Eighth Defendants to carry out commercial activities and/or works on the Land which resulted in damage to the Land; and
 - (d) The Fourth to Eighth Defendants had not only gained the benefit arising from the commercial activities carried out on the Land but had also caused damage to the Land which resulted in suffer irreparable loss and/or harm suffered by the Orang Asli of Pos Simpor.
42. Further the Defendants are liable for aggravated damages towards the Orang Asli of Pos Simpor by reason of the matters set out in paragraphs 22 - 30.
43. **AND** the Plaintiff claims: -
- (a) A Declaration that the Orang Asli of Pos Simpor are the customary title holders and/or communal/community and/or holders of usufructuary rights with respect to the Land;
 - (b) A Declaration that the issuance of licenses and/or permission to the Fourth to Eighth Defendants is against the law and null and void;
 - (c) A Declaration that the First to Third Defendants and their agents have no legal right to abridge and/or impair the rights of the Orang Asli of Pos Simpor to their Land by carrying out or allowing to be carried out the activities identified and particularized in this Statement of Claim;

- (d) A Declaration that by reason of the matters set out in the Statement of Claim, the First Defendant has failed to fulfil and/or violated its duties under the Constitution, the law and/or as a fiduciary;
- (e) A Declaration that the First Defendant has acted against the reasonable legitimate expectation of the Orang Asli of Pos Simpor;
- (f) A Declaration that the First Defendant to take all required steps to carry out a survey to ascertain the exact boundaries of the customary land of Orang Asli of Pos Simpor. The cost of the survey shall be borne by the First Defendant.
- (g) A Declaration that the First Defendant is obliged, and be directed, to take all the required steps to gazette the Land of Pos Simpor after the survey as Aboriginal areas or reserves under the Aboriginal Peoples Act 1954;
- (h) A Declaration that the First Defendant is obliged to take all the required steps to protect the customary Land of Pos Simpor and prevent it from being disturbed, encroached upon and/or destroyed by any persons, including the Fourth to Eighth Defendants;
- (i) An Order that the actions of the Fourth to Eighth Defendants and/or any of them in entering the Land was an act of trespass;
- (j) An Order that the Fourth to Eighth Defendants to pay damages to the Orang Asli of Pos Simpor for trespass and willful damage of the Land;
- (k) An Injunction, both Interlocutory and Final, restraining the Fourth to Eighth Defendants or any parties and/or individuals and/or companies from conducting logging or any other commercial activities for gain or any business on the Land;

- (l) In the event that the Honourable Court finds that the Orang Asli of Pos Simpor rights have been extinguished, a Declaration that the First Defendant provides adequate compensation to the Orang Asli of Pos Simpor, in accordance with Article 13 of the Federal Constitution and/or Land Acquisition Act 1960, to be assessed;
- (m) General, aggravated and exemplary Damages for the breach and/or violation of the rights of the Orang Asli of Pos Simpor including with respect to the Land;
- (n) Costs ; and
- (o) Any further or other relief and order that this Honourable Court thinks just, fit and reasonable.

Dated this on 14th January 2019.


Senior Federal Counsel
Attorney General's Chambers

This **STATEMENT OF CLAIM** is filed by Senior Federal Counsel for and on behalf of the Plaintiff with the address of service at Attorney General's Chambers, Level 16, Block 4G7, 45 Persiaran Perdana, Precinct 4, 62100 Putrajaya, Malaysia.

Tel: 03-88722011; Fax: 03-88905609

Ref No.: PN/KN/HQ/15/01/2019

LAMPIRAN A

**SENARAI NAMA PENDUDUK KAMPUNG WILAYAH
TANAH ADAT POS SIMPOR**

KIR WILAYAH POS SIMPOR 18300 GUA MUSANG KELANTAN DARUL NAIM

KAMPUNG PENAD POS SIMPOR

NO	NAMA	NO BERKAS	KAMPUNG	JANITA
1				
1	ALONG BIN PANDAK	641231-03-6175	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	LELAKI
2	ATEH BINTI TEGAU	650503-03-5286	KAMPUNG JADER POS SIMPOR	PEREMPUAN
3	MASRI A/L ALONG	041115-03-0893	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
4	SUMYAL A/L ALONG		KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	LELAKI
5	RIZMAN A/L ALONG		KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	LELAKI
6	MASNEN A/K MUSA	931005-03-6017	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
7	MASLINA A/P MUSA		G-209 BN 20 PPH BIDOR PERAK	LELAKI
				PEREMPUAN
2				
1	ANGAH A/L TEGAU	650706-03-5403	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
2	LIOI A/P ANJANG	001123-03-0766	KAMPUNG KUALA BERING	PEREMPUAN
3	MANGSI A/L ANGAH	030213-03-1079	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
4	EKWAN A/L ANGAH	000514-03-0793	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
5	HAFIZ A/L ANGAH	970329-03-5199	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
6	HERRY BOY ANGAH	951003-03-6185	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
3				
1	TEGAU BIN ITAM	560727-03-5585	KAMPUNG JADER POS SIMPOR	LELAKI
2	AMEK A/P ALIG	450503-03-5124	KAMPUNG JADER POS SIMPOR	PEREMPUAN
3	ALIN ANAK BAH KUASAN		KAMPUNG JADER POS SIMPOR	LELAKI
4				
1	AYEL BIN AJEB	670807-03-5961	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	LELAKI
2	NORA BINTI TEGAU	730503-03-5630	KAMPUNG JADER POS SIMPOR	PEREMPUAN
3	IZWAN A/L AYEL	090629-10-1207	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
4	MANGROY A/L AYEL	071019-03-1121	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI

5	IKA A/P AYEL	060117-03-0540	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	PEREMPUAN
6	JUREY A/P AYEL	040128-03-0644	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	PEREMPUAN
7	RENEY A/L AYEL	020122-03-1031	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	LELAKI
8	MANGLIE A/L AYEL	000223-03-0777	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	LELAKI
9	HANDYAR A/L AYEL	050321-03-0661	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	LELAKI
10	SURIZA A/P AYEL	960606-29-5260	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	PEREMPUAN
11	MURY A/P AYEL	940803-03-6382	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	PEREMPUAN
12	ANGAH A/L AYEL	920910-03-5889	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	LELAKI
5				
1	ADNAN BIN BELOY	741109-03-5775	KAMPUNG SEDAL POS SIMPOR	LELAKI
2	MARY BINTI AYOB	791004-03-6136	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	PEREMPUAN
3	RAMSAN A/L ADNAN	150723-03-1649	KAMPUNG TIHUK POS SIMPOR	LELAKI
4	JUMIS A/L ADNAN	130901-03-0887	KAMPUNG TENAU POS GOB	LELAKI
5	RUDIF A/L ADNAN	111226-03-1013	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
6	JAMILAH A/P ADNAN	100601-03-0052	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	PEREMPUAN
7	AMIR A/L ADNAN	090119-03-0023	KAMPUNG PENAD POS SIMPOR	LELAKI
8	JUREEY A/P ADNAN	070617-03-1071	KAMPUNG TENAU POS GOB	PEREMPUAN
9	SERILOY A/L ADNAN	060114-03-0553	KAMPUNG TENAU POS GOB	LELAKI
